

Didik warga USIM hargai alam sekitar

Oleh AINOL AMRIZ ISMAIL

utusanN9@utusan.com.my

■ SEREMBAN 12 MEI

UNIVERSITI Sains Islam Malaysia (USIM) melancarkan program *USIM's Environmental Awareness and Sustainability Campaign (USIMBIOSIS) 2015* yang bertemakan *Living Together* di kampus utamanya di Nilai, dekat sini hari ini.

Kempen tersebut mendapat sokongan Tesco Malaysia yang menyumbangkan sebanyak 50 pokok untuk ditanam di sekitar kampus di mana dengan 20 pokok daripada jumlah itu ditanam secara rasmi pada majlis yang berlangsung dekat Dewan Kuliah Pusat 3, universiti berkenaan.

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad berkata, kelestarian dan kesedaran alam sekitar merupakan usaha ke arah membina semangat dalam usaha mendidik bangsa yang aktif menjaga alam sekitar.

"USIMBIOSIS adalah pendekatan proaktif diambil oleh universiti bagi tujuan itu dan mewujudkan

kampus lestari adalah permulaan untuk USIM menerajui aspek kelestarian dan kesedaran alam sekitar di negara ini," katanya di sini hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Zulkiple Abd. Ghani; Pengerusi Jawatankuasa Kelestarian dan Kesedaran Alam Sekitar USIM, Prof. Madya Dr. Awangku Abdul Rahman Awangku Yussuf dan Pengarah Perhubungan Kerajaan dan Hal Ehwal Korporat Tesco Malaysia, Datuk Azlam Shah Alias.

Program itu turut mendapat sokongan Jabatan Alam Sekitar dan Perbadanan Pengurusan dan Pembersihan Awam (SWCorp) yang menyumbangkan beberapa unit tong sampah kitar semula yang diperbuat daripada kertas untuk ditempatkan di lokasi strategik dalam kampus.

Kata Musa, USIM yang kali pertama menyertai penilaian UI-Greenmetric World University Ranking pada tahun lalu yang memfokuskan penilaian terhadap kelestarian kampus dan pengurusan persekitaran telah mendapat

kedudukan ke-235 daripada 360 universiti dari 62 negara yang menyertai.

"Itu memberi indikasi bahawa aspek penambahbaikan kelestarian dan pengurusan alam sekitar kampus yang diambil seperti pembersihan tasik, mewujudkan trek jogging dan berbasikal di sekitar kampus memberi impak positif.

"Inisiatif baharu juga telah dilaksanakan secara serius ke arah mewujudkan kelestarian kampus yang lebih baik antaranya mengurangkan penggunaan elektrik sehingga 5 peratus setiap tahun secara berperingkat, menjalankan soal selidik mengenai kelestarian alam sekitar dalam kalangan warga universiti serta mengurangkan penggunaan polisterin dan beg plastik di dalam kampus," ujarnya.

Selain itu, tambahnya, USIM turut memulakan kempen 4R iaitu *Reduce, Reuse, Recycle and Restore*.

"Menggunakan tong sampah lutsinar kitar semula dan menjimatkan penggunaan tenaga elektrik melalui penggunaan tenaga alternatif iaitu kuasa solar di beberapa lokasi tertentu seperti perhentian bas," katanya.



MUSA AHMAD (kiri) menanam pokok sambil diperhatikan oleh Azlam Shah Alias (dua dari kanan) dalam program USIM's Environmental Awareness and Sustainability Campaign (USIMBIOSIS) 2015 di Nilai, Seremban, Negeri Sembilan, semalam.